

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

TARIKH : 7 DISEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang luar negeri telah meningkat pada akhir suku ketiga (S3) berakhir September 2020:-

- (a) jumlah nilai hutang luar negeri pada akhir S3 tahun 2020 dan peratusannya daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada akhir S3 tahun 2020; dan
- (b) cara-cara dan tempoh masa untuk melangsaikan hutang tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Hutang luar negeri didefinisikan sebagai pinjaman luar pesisir sektor awam dan swasta, pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin, deposit bukan pemastautin dan lain-lain hutang luar. Sehingga akhir September 2020, hutang luar negeri berjumlah RM953.3 bilion atau 66.2% daripada KDNK berbanding RM1,003 bilion atau 69.7% KDNK pada akhir-Jun 2020. Pengurangan ini terutamanya disebabkan pembayaran balik bersih peminjaman antara bank dan kesan penilaian berikutan pengukuhan nilai ringgit berbanding mata wang asing utama dan serantau terpilih pada suku ketiga 2020.

2. Secara amnya, risiko hutang luar negeri Malaysia kekal terurus berdasarkan kepada profil mata wang, tempoh matang dan jenis instrumen hutang. Struktur hutang luar negeri ini membolehkan entiti yang berhutang memenuhi obligasi hutang walaupun ketika ekonomi negara dilanda kejutan luaran.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Daripada aspek struktur profil mata wang, hampir satu pertiga daripada hutang luar negeri adalah dalam denominasi ringgit melalui pemegangan hutang oleh bukan pemastautin. Oleh itu, hutang berdenominasi ringgit ini tidak tertakluk kepada kesan perubahan penilaian akibat perubahan dalam kadar pertukaran ringgit. Pasaran kewangan yang mendalam, keadaan mudah tunai domestik yang mencukupi dan pelabur institusi domestik yang besar dan teguh dapat mengurangkan risiko pembiayaan semula apabila terdapat aliran keluar modal oleh pelabur bukan pemastautin.

4. Dari aspek profil kematangan pula, hutang luar negeri berjangka masa sederhana dan panjang iaitu melebihi satu tahun meliputi 61.2%% daripada jumlah hutang luar negeri menunjukkan risiko pembiayaan semula yang rendah kerana tidak memerlukan pembayaran balik hutang dalam tempoh segera.

5. Selain itu, 76.2% daripada hutang luar negeri adalah terdiri daripada hutang oleh institusi perbankan dan syarikat korporat. Risiko hutang luar negeri institusi perbankan adalah terurus di mana sekitar 80% merupakan peminjaman antara kumpulan bank, yang pada amnya stabil. Risiko hutang luar negeri oleh syarikat korporat juga rendah disebabkan antara lain terbitan bon dan nota untuk memperoleh aset luar negeri. Pendapatan yang dijana daripada aset luar negeri ini boleh digunakan untuk menampung pembayaran balik hutang pada masa hadapan.